



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN / ONLINE**

NAMA KURSUS : PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
KOD KURSUS : DSM1053
PEPERIKSAAN : DISEMBER 2021
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (40 Markah)
BAHAGIAN B (60 Markah)
2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini.
3. Jawab **SEMUA** soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
4. Tulis butiran anda sepertimana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
 - i. Nama Penuh Pelajar
 - ii. No. Kad Pengenalan
 - iii. Seksyen Kelas
 - iv. Kod Kursus
 - v. Nama Kursus
 - vi. Nama Pensyarah
5. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
6. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU
Kertas soalan ini mengandungi 5 muka surat termasuk kulit hadapan

BAHAGIAN A

Bahagian ini mempunyai **EMPAT (4)** soalan.

Jawab **semua soalan** di dalam kertas jawapan.

SOALAN 1

- a. Senaraikan **empat (4)** aktiviti yang dilakukan dalam pengurusan sumber manusia.

(4 markah)

- b. Mengapakah wanita dan dwi-kerjaja menjadi isu utama dalam pengurusan sumber manusia?

(6 markah)

SOALAN 2

- a. Senaraikan **empat (4)** bahagian dalam spesifikasi pekerjaan

(4 markah)

- b. Jelaskan **tiga (3)** tujuan majikan melaksanakan analisis kerja.

(6 markah)

SOALAN 3

- a. Terangkan **dua (2)** tujuan organisasi melaksanakan program orientasi.

(4 markah)

- b. Jelaskan **tiga (3)** kebaikan mengadakan program latihan.

(6 markah)

SOALAN 4

Huraikan kepentingan pakej pampasan yang diberikan kepada pekerja bagi tujuan meningkatkan prestasi pekerja.

(10 markah)

[40 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mempunyai **TIGA (3)** soalan.

Jawab **semua soalan** di dalam kertas jawapan.

SOALAN 1

- a. Terangkan **tiga (3)** sumber yang boleh dijadikan rujukan dalam proses penilaian prestasi pekerja.

(6 markah)

- b. Encik Razif akan melaksanakan penilaian prestasi kepada pekerja Syarikat Trading Twone pada minggu hadapan. Apakah proses penilaian prestasi yang perlu dipatuhi oleh Encik Razif?

(14 markah)

SOALAN 2

- a. Sebagai pekerja, kebanyakan kita menghabiskan masa hidup di tempat kerja di mana kita akan terdedah kepada berbagai-bagai punca bahaya. Tempat kerja yang kurang selamat boleh mengakibatkan kemalangan dan penyakit yang boleh memudaratkan. Jelaskan peranan pekerja bagi membantu organisasi meningkatkan polisi keselamatan dan kesihatan ditempat kerja?

(10 markah)

- b. Kemalangan ialah kejadian yang tidak dijangka yang dapat mengganggu perjalanan sesuatu aktiviti. Terangkan **lima (5)** perkara yang boleh menyebabkan kemalangan di tempat kerja.

(10 markah)

SOALAN 3

“Kesatuan sekerja ditakrifkan sebagai pertubuhan pekerja yang dibentuk dengan tujuan memajukan dan mempertahankan kepentingan pekerja”. Pertubuhan Buruh Antarabangsa (*International Labour Organization – ILO*)

- a. Senaraikan **empat (4)** fungsi kesatuan sekerja.
(4 markah)

- b. Jelaskan **tiga (3)** alasan pekerja enggan menyertai kesatuan sekerja?
(6 markah)

- c. Mengapakah pekerja lebih cenderung melaksanakan piket berbanding mogok? Sila huraikan hujah anda di dalam bentuk jadual.
(10 markah)

[60 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT